

Industri Sawit Paling Kurang Menyumbang Kepada Penebangan Hutan - MPOC Bernama
4 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Industri sawit paling sedikit menyumbang kepada penebangan hutan, kata Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Yusof Basiron, berkata apabila industri ini semakin maju, persoalan kelestarian mendapat perhatian utama.

"Ia harus dianggap sebagai satu cabaran yang dihadapi oleh industri sawit Malaysia hari ini.

"Tetapi, bila bercakap tentang kelestarian, banyak takrif yang dibuat melalui kempen oleh pertubuhan bukan kerajaan di seluruh dunia adalah pincang dan terlebih tumpuan kepada sawit.

"Dalam kes penebangan hutan, sawit adalah sektor yang paling tidak perlu mereka bimbangkan.

"Sebenarnya, penebangan hutan berlaku di Amerika Syarikat dan negara-negara maju lain, bukan di negara-negara membangun," tegas beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membuat pembentangan kertas kerja bertajuk 'Permintaan Minyak Sawit pada Masa akan Datang' pada Persidangan dan Pameran Minyak Sawit dan Laurik 2014 selama tiga hari yang bermula di ibu negara, Selasa.

Yusof berkata hanya 0.29 peratus tanah pertanian di dunia digunakan bagi penanaman sawit dan kelapa sawit Malaysia menggunakan hanya 0.09 peratus.

Beliau menegaskan niat jahat di sebalik kempen-kempen tentang kelestarian, yang bertujuan memastikan negara-negara 'dunia ketiga' terus mundur daripada segi ekonomi, agar pasarannya boleh dimanipulasi dan diperalatkan oleh negara-negara maju.

Ini berlaku di negara-negara seperti Liberia, yang menyaksikan NGO membantah pembangunan pertanian (kelapa sawit) negara itu.

"Kadar pengangguran negara itu adalah 80 peratus manakala keluaran negara kasar (KDNK) per kapitanya ialah US\$260 (RM832).

"Kenapa mereka membantah? Untuk menurunkan KDNK kepada US\$100 (RM320) setahun?" tanya beliau.

Katanya, kesimpulan logik boleh dibuat bahawa kempen anti sawit ini merupakan alat barat untuk menguasai ekonomi, sedangkan hakikatnya, sawitlah yang merupakan alat bagi pembangunan untuk membebaskan masyarakat daripada belenggu kemiskinan.

Beliau mengulas tentang langkah-langkah kebelakangan ini untuk 'menghukum' penanam sawit Sarawak berlandaskan 'dasar tiada penebangan hutan' dengan menghalang mereka daripada mendapatkan laluan pasaran.

Yusof menyifatkan langkah ini sebagai amat tidak adil dan tidak munasabah.

"Percubaan untuk melemahkan industri minyak sawit akan hanya menjejaskan mata pencarian

penduduk asli di pedalaman.

"Amat tidak adil mengkritik industri minyak sawit tanpa asas saintifik, dan hanya menyukarkan masyarakat yang bergantung hidup padanya," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019308>